



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

USM



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PPG214 : KAEDAH MENGAJAR BAHASA MALAYSIA 1  
SEMESTER II  
SIDANG AKADEMIK 2020/2021.


# Video Pengajaran Mikro

## KEMAHIRAN MEMBACA

**Nur Anis Suhaila Binti Abdul Sani – 142631**  
**Muhammad Arif Akhbar Bin Abd Razak - 140773**  
**Muhammad Afiq Hakimi Bin Noor Zaini - 142763**  
**Norfadila Binti Hassan – 141044**  
**Muhammad Hafizudin Bin Muhamad - 141607**

The slide features a white background with decorative elements on the left and right sides. These elements consist of overlapping, semi-transparent triangles in various colors: light gray, light blue, green, and orange. The triangles are arranged in a somewhat circular pattern, framing the central text. The text itself is centered and reads "LANGKAH 1: SET INDUKSI" in a bold, black, sans-serif font.

# LANGKAH 1: SET INDUKSI



# Pita Rakaman Suara

- Dengar dengan teliti dan fahami perkara yang disampaikan.

# Objektif Pembelajaran

2

Murid dapat membaca satu teks laporan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul

3


Murid dapat menyatakan dua ciri laras bahasa laporan menggunakan bahasa akademik

The slide features a white background with decorative geometric shapes (triangles and polygons) in shades of green, blue, purple, orange, and grey, arranged in clusters on the left and right sides. The text is centered in a bold, black, sans-serif font.

## LANGKAH 2: PENERANGAN



# Laras Bahasa Laporan (Berita)



# Definisi

01

Laras bahasa boleh didefinisikan sebagai gaya atau cara penggunaan sesuatu bahasa.

02

Asmah Hj.Omar (1984), berpendapat bahawa laras bahasa ialah khusus dalam penggunaan bahasa menurut bidang penggunaannya.

03

Halliday (1968) pula mendefinisikan laras sebagai variasi bahasa yang berdasarkan fungsi. Halliday melihat laras daripada tiga dimensi, iaitu tajuk wacana, cara penyampaian, dan gaya penyampaian.

04

Berdasarkan definisi-definisi yang telah diberikan oleh tokoh, dapat dirumuskan bahawa laras bahasa merupakan variasi bahasa yang berbeza-beza bentuk dan penggunaannya mengikut situasi tertentu dan bidang tertentu

# Ciri-Ciri Laras Bahasa



## Ciri-ciri keperihalannya sesuatu peristiwa bahasa

- (i) Situasi Luaran**
- (ii) Situasi Persekitaran**

## Ciri-ciri Linguistik

- (i) Aspek bunyi :**
- (ii) Aspek Perkataan**
- (iii) Aspek Ayat.**



# Jenis-Jenis Laras Bahasa



**1**  
Laras bahasa  
biasa

**2**  
Laras bahasa  
sains

**3**  
Laras bahasa  
matematik

**4**  
Laras bahasa  
undang-  
undang

**5**  
Laras Bahasa  
ekonomi

Laras bahasa  
agama

Laras bahasa  
seni

Laras bahasa  
sastera



**6**

**7**

**8**

**9**

**10**

**11**

Laras bahasa  
sukan

Laras bahasa  
laporan

Laras bahasa  
iklan

# Ciri-Ciri



Bersifat umum



Digunakan menyampaikan kepelbagaian idea tentang sesuatu isu

## Laras Bahasa Laporan

bentuk bahasa yang digunakan dalam membuat laporan seperti liputan akhbar, liputan media elektronik, dan laporan pembentangan seminar.

Bersifat melaporkan sesuatu kepada pembaca secara umum ataupun secara terperinci



Gaya bahasa penulisan menarik yang menjurus kepada tajuk rencana.



Mudah difahami

## Contoh Bacaan Laras Bahasa Laporan (Berita)






# LANGKAH 3: PENEROKAAN



# Aktiviti Meja Perhimpunan





## ARAHAN:

- Sila dengar langkah pelaksanaan dengan teliti.

# Laporan Berita – Berita Harian


## JPJ ganti percuma dokumen kenderaan, lesen memandu hilang, rosak akibat banjir

Oleh Luqman Arif Abdul Karim - Januari 7, 2021 @ 7:18pm  
luqman.arif@bh.com.my



**KELIHATAN** sebuah kereta hampir tenggelam berdekatan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di Kelantan berikutan limpahan air Sungai Golok pada 19 Disember lalu.

- Foto NIK ABDULLAH NIK OMAR




KUALA LUMPUR: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menggantikan secara percuma dokumen pemilikan kenderaan dan lesen memandu milik mangsa bencana berkenaan yang hilang atau rosak.


Inisiatif itu berkuat kuasa serta-merta sehingga 15 April depan, adalah antara langkah jabatan berkenaan untuk membantu masyarakat yang terkesan dengan bencana yang memberi impak ketara dari segi kesengsaraan ekonomi.

Dalam satu kenyataan hari ini, JPJ memaklumkan, dokumen berkenaan seperti Lesen Kenderaan Motor (LKM), Lesen Memandu Malaysia (LMM) atau Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC).

"Pemilik dokumen perlulah hadir sendiri dengan membawa dokumen yang rosak untuk mendapatkan salinan gantian.







"Bagi dokumen yang musnah atau hilang, pemilik perlulah membuat laporan polis dan mengemukakan laporan polis itu sebagai bukti kehilangan bagi mendapatkan gantian dokumen baharu," kata agensi berkenaan.

Bagi memudahkan urusan masyarakat, JPJ memaklumkan, unit bergerak jabatan itu akan ditempatkan di kawasan terpilih, khususnya di pusat pemindahan sementara (PPS).


Sehubungan itu, katanya, penduduk setempat boleh mendapatkan perkhidmatan JPJ dengan lebih dekat, mudah dan selamat.

"Dalam menyokong usaha kerajaan menangani fenomena banjir, JPJ di seluruh negara diarah melaporkan kesiapsiagaan dalam menghulurkan bantuan berbentuk tenaga, sumber manusia atau gerakan aset kenderaan sekiranya bersesuaian.

"JPJ amat prihatin terhadap masyarakat yang terkesan dengan bencana banjir di beberapa negeri di Semenanjung. JPJ dan warga kerjanya mendoakan semua mangsa banjir diberikan keselamatan dan dipermudahkan segala urusan," katanya.

Seiring situasi banjir yang masih berlarutan di beberapa negeri ketika ini, JPJ turut mengambil pendekatan memberi kelonggaran terhadap aspek penguatkuasaan.

Katanya, ia mencakupi mana-mana kenderaan perdagangan atau individu yang terbabit dalam operasi menyelamatkan dan membawa bekalan bantuan ke PPS, bilik gerakan banjir sehingga keadaan kembali reda serta terkawal.




The image features a white background with decorative geometric shapes in the corners. These shapes are composed of various colored triangles and polygons in shades of green, blue, purple, orange, and grey, arranged in a pattern that suggests a stylized floral or abstract design. The central text is prominently displayed in a bold, black, sans-serif font.

# LANGKAH 4: PENGEMBANGAN



# Aktiviti Fail Perjalanan



# Fail Perjalanan



# Banjir di beberapa negeri beransur pulih, henti tular berita banjir

## -(BERITA SEMASA TEMPATAN)

**KUALA LUMPUR:** Keadaan banjir di Johor, Kelantan, Pahang dan Perak beransur pulih malam ini dengan jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) semakin berkurangan.

Bagaimanapun, di PAHANG, jumlah kematian lemas akibat banjir meningkat kepada tujuh orang dengan kes terbaru membabitkan seorang remaja lelaki berusia 15 tahun yang lemas ketika mandi di kawasan banjir di Jalan Kampung Sangkoh, Kuala Tembeling, kira-kira 171 kilometer (km) dari Kuantan. Temerloh menjadi daerah paling teruk terjejas banjir di antara sembilan daerah di Pahang.


Dalam pada itu, polis menafikan dakwaan berlaku kejadian kepala air di Cameron Highlands seperti video yang ditularkan di media sosial dan meminta mereka yang menerima video tersebut supaya tidak menyebarkannya kerana ia hanya memburukkan keadaan.

Menurut polis, rakaman video berdurasi dua minit yang tersebar melalui aplikasi WhatsApp dan Facebook sejak semalam itu dipercayai berlaku di Indonesia. Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut menafikan dakwaan kononnya TNB melepaskan air dari empangan di Cameron Highlands sehinggamemburukkan situasi banjir di Lipis.

Situasi berbeza di TERENGGANU apabila jumlah mangsa meningkat kepada 13,220 orang pada malam ini berbanding 13,092 orang petang tadi membabitkan tiga daerah iaitu Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu.

Daerah Kemaman mencatatkan jumlah mangsa banjir tertinggi iaitu sebanyak 11,132 orang daripada jumlah keseluruhan mangsa di negeri itu. Beberapa jalan menuju ke bandar Chukai juga ditutup kepada kenderaan ringan kerana masih digenangi air.





# Nahas Sriwijaya Air: Tiada rakyat Malaysia terlibat

## (BERITA SEMASA DUNIA)

**TIADA** warga Malaysia yang menaiki pesawat Sriwijaya Air, yang dilaporkan terhempas di perairan Kepulauan Seribu di Indonesia pada Sabtu, lapor Bernama.


Menurut kenyataan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, pihak kedutaan dimaklumkan bahawa tiada warganegara Malaysia yang terlibat dalam tragedi berkenaan.

**ARTIKEL BERKAITAN: *Pesawat Sriwijaya Air terhempas dalam laut, serpihan kapal terbang dan anggota badan manusia ditemui***

Dilaporkan, pesawat komersial itu membawa 62 penumpang termasuk anak kapal.

Pesawat tersebut terputus hubungan selepas berlepas dari Lapangan Terbang Soekarno Hatta, Jakarta menuju ke Pontianak, ketika melalui perairan di Kepulauan Seribu.

Berdasarkan flightradar24, pesawat itu bertolak dari Lapangan Terbang Soekarno Hatta pada pukul 2.36 petang (waktu tempatan) dan dijadualkan tiba di destinasi pada jam 3.15 petang. - **THE STAR**



# LANGKAH 5: PENGAYAAN DAN PEMULIHAN

## TAJUK BERITA: “DERETAN RUMAH KEDAI, RUMAH TERBAKAR”

### CONTOH KARANGAN BERITA

KUALA TERENGANU, Rabu- Sederet rumah kedai lima pintu, sebuah rumah dua tingkat, dan tiga buah kereta musnah akibat dalam satu kebakaran yang berlaku di Jalan Pinang pada pukul 12:00 tengah malam yang lepas. Dalam kejadian tersebut, 32 orang kehilangan tempat tinggal.

Mangsa kebakaran tidak sempat menyelamatkan harta benda mereka kerana api merebak dengan cepat. Lima buah kereta bomba dan dua buah ambulan datang setelah menerima panggilan kecemasan pada jam 12:30 malam itu.

Kebakaran itu berlaku begitu pantas sehingga kesemua pemilik rumah kedai tidak sempat menyelamatkan kereta masing-masing. Dalam 10 minit kebakaran bermula mereka terdengar bunyi letupan yang sangat kuat di dalam lima buah kedai itu. Letupan itu adalah gas dan gas itu menyebabkan kebakaran bertambah marak. Pihak bomba yang tiba pada jam pukul 12:45 malam hanya berjaya mengawal kebakaran 30 minit kemudian.

Tiada yang kehilangan nyawa dalam kebakaran itu dan hanya beberapa orang mangsa cedera ringan akibat melecur. Mereka kini dirawat sebagai pesakit luar.

Jumlah kerugian dianggarkan mencecah sejuta ringgit sementara punca kebakaran masih disiasat. Pihak bomba bagaimanapun tidak menolak kemungkinan bahawa kebakaran berpunca daripada litar pintas pada sistem pendawaian elektrik



The slide features a white background with decorative elements on the left and right sides. These elements consist of overlapping, semi-transparent triangles in various colors: light blue, green, purple, orange, and grey. The triangles are arranged in a somewhat circular pattern, framing the central text. The text itself is centered and reads "LANGKAH 6: RUMUSAN" in a bold, black, sans-serif font.

# LANGKAH 6: RUMUSAN



# JOM CARI



+	A	D	E	B	I	H	K	P	Q	I	S	T	I	L	A	H	B	A	H	A	R	U	J	R	F
	C	B	G	F	E	J	O	L	Z	W	Y	R	S	B	J	K	S	U	D	G	T	Q	G	T	I
	F	C	O	Y	E	R	Q	D	D	E	A	A	T	N	J	A	L	V	A	S	K	C	U	S	V
	O	D	I	S	R	K	K	V	M	B	M	G	T	O	P	L	M	E	M	U	J	U	K	B	Q
	K	J	T	F	T	U	B	A	N	K	B	H	I	O	K	T	C	P	A	S	L	S	F	T	S
	U	T	G	W	U	V	C	I	I	L	A	N	H	D	J	A	T	O	M	B	K	R	A	N	R
	S	A	F	B	B	S	K	S	U	T	B	D	M	V	N	H	R	T	I	N	J	M	H	M	T
	T	N	K	N	E	R	I	I	Y	I	A	T	A	T	T	R	D	D	R	F	U	E	N	W	E
	A	I	N	O	R	T	G	R	R	E	G	N	K	R	R	E	O	S	H	L	P	N	W	R	P
	J	S	I	L	S	N	J	M	D	R	I	O	I	N	I	A	P	S	K	R	N	A	O	G	A
	U	D	T	L	I	M	G	L	S	O	O	F	R	S	U	M	Q	A	Y	Y	S	R	R	H	T
	K	I	S	S	F	I	H	E	O	U	D	P	D	A	U	B	M	L	E	A	B	I	C	J	D
	R	L	D	L	A	W	G	Y	N	A	S	I	S	A	D	N	C	K	H	T	E	K	I	A	B
	E	A	O	I	T	C	T	I	B	N	U	R	G	N	A	I	M	A	D	J	R	P	E	C	E
	N	H	P	Y	U	T	R	O	T	T	I	A	T	R	E	U	B	D	V	O	I	E	E	V	R
	C	R	E	A	M	U	Y	P	P	P	T	D	A	F	T	A	H	E	N	J	U	R	H	O	K
	N	S	D	M	U	O	U	C	F	D	R	B	S	K	Y	S	D	E	O	O	U	H	K	Y	E
	A	U	S	I	M	O	E	A	A	C	E	L	W	A	Y	E	H	T	W	S	W	A	D	I	S
	X	S	Q	M	L	F	C	T	H	Y	D	U	G	D	K	T	A	O	E	U	E	T	P	O	A
	E	B	A	U	P	G	T	K	N	D	A	I	R	G	D	B	R	D	L	N	F	I	A	P	N
	H	T	Y	U	I	S	P	E	Y	S	Z	M	U	D	A	H	D	I	F	A	H	A	M	I	C
	G	K	H	T	I	A	P	J	M	T	V	H	I	M	C	S	D	C	U	D	G	N	D	F	D
	B	R	X	R	G	B	N	M	E	E	B	M	U	D	I	W	P	N	Y	H	E	T	B	N	I
	P	E	L	B	A	G	A	I	I	D	E	A	T	C	F	E	L	D	D	N	A	U	N	E	P
	T	R	E	G	U	M	L	I	Y	G	S	H	V	L	K	T	Y	M	E	O	D	G	E	W	N



**Terima Kasih**

